



**PANDUAN PENGGUNA  
PERMOHONAN NO. PIN  
&  
LOGIN KALI PERTAMA**

**- ezHASiL -**



---

## ISI KANDUNGAN

BAHAGIAN A: PENGENALAN .....	3
1.1 Tujuan .....	3
1.2 Keperluan Sistem .....	3
1.3 Penyenggaraan Pelayar Web .....	3
BAHAGIAN B: AKSES KE LAMAN WEB ezHASiL .....	4
BAHAGIAN C: PENGGUNA KALI PERTAMA.....	5
1.1 Makluman .....	5
1.2 Permohonan No. PIN (bagi Pembayar Cukai Individu) .....	5
1.3 Permohonan No. PIN e-Filing Organisasi .....	5
1.4 Login Kali Pertama .....	6

## BAHAGIAN A: PENGENALAN

### 1.1 Tujuan

Dokumen ini bertujuan untuk memberi panduan ringkas kepada pengguna yang ingin menggunakan sistem ezHASiL- Antaramuka Berpusat.

### 1.2 Keperluan Sistem

Keperluan	Butiran
Komputer/Prosesor	Sekurang-kurangnya Intel Pentium® III ke atas
Memori	Sekurang-kurangnya 128 megabait (MB)
Sistem Pengoperasian	Sekurang-kurangnya Microsoft Windows 7 (Service pack terkini), Linux dan Macintosh
Pelayar Web Microsoft Internet Explorer 11.0 atau ke atas Microsoft Edge Mozilla Firefox 44.0 Google Chrome 46.0 Safari 5	Enkripsi 128-bit
Sijil Digital e-Filing	
Talian Internet	Keutamaan berkelajuan 512Kbps ke atas
Adobe Reader	Untuk mencetak Semakan Pengesahan dan Panduan Pengguna


### 1.3 Penyenggaraan Pelayar Web

Bagi menggunakan ezHASiL sistem, anda dikehendaki untuk menyenggara tetapan di Pelayar Web anda. Sila ikuti langkah-langkah berikut :

Internet Explorer	Ke Tools -> Internet Options -> Privacy -> Pop-up Blocker. Klik pada kotak "Turn On pop-up Blocker" untuk membuang tanda √.
Microsoft Edge	Ke Settings -> Advanced Setting -> View Advanced Setting -> Block pop-ups. Klik butang untuk menukar paparan kepada "OFF".
Mozilla Firefox	Ke Menu -> Options -> Content -> Pop ups. Klik pada kotak "Block pop-up windows" untuk membuang tanda √.
Google Chrome	Ke Settings -> Privacy -> Contents settings -> Pop-ups. Klik pada pilihan "Allows all sites to show pop-ups".
Safari	Ke Settings. Pilih "Block Pop Up Windows" untuk membuang tanda √.

## BAHAGIAN B: AKSES KE LAMAN WEB ezHASiL

Layari laman web rasmi ezHASiL di pautan <https://ez.hasil.gov.my/>.



The screenshot shows the ezHASiL website interface. At the top, there is a navigation bar with the LHDN logo, the ezHASiL logo, and menu items: Home, Perkhidmatan, Bantuan, Soalan Lazim, and Hubungi Kami. Below the navigation bar, there is a banner for the LHDN Malaysia ISO/IEC 27001:2013 certification, dated 10/01/2014, with the text "Tahniah Atas Pensijilan".

**PENGUMUMAN**  
**PENAMBAHBAIKAN KATA LALUAN**

Mulai 1 Disember 2015, Kata Laluan mesti 8 hingga 12 aksara, kombinasi abjad dan nombor seperti di bawah:

- Sekurang-kurangnya satu (1) huruf besar.
- Sekurang-kurangnya satu (1) huruf kecil.
- Sekurang-kurangnya satu (1) nombor.
- TIDAK mengandungi aksara khas atau simbol.

(Contoh : pAssword123)

Arkib >>

**Log Masuk**

Sila masukkan No. Rujukan (No. Pengenalan) dan Kata Laluan. Klik Hantar.

No. Kad Pengenalan Baru  
 No. Pasport  
 No. Tentera  
 No. Polis

[Login Kali Pertama](#)  
[Terlupa Kata Laluan](#)

**Perlukan bantuan?**  
 1-800-88-5436 (LHDN) / +603-7713 6666 (Luar Negara)

Klik sini untuk panduan pengguna ezHASiL.

© Hak Cipta Terpelihara 2016 Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

---

## BAHAGIAN C: PENGGUNA KALI PERTAMA

### 1.1 Makluman

- Pastikan anda salah seorang pembayar cukai yang berdaftar untuk mendapatkan / menyemak No. PIN
- Sekiranya anda belum mendaftarkan diri sebagai pembayar cukai, sila ke cawangan LHDNM yang berdekatan.
- Perlu disertakan:
  - Salinan Kad Pengenalan,
  - Penyata Pendapatan / Slip Gaji terkini
- Atau melalui e-Daftar. Sila klik di [sini](#) untuk ke aplikasi e-Daftar.

### 1.2 Permohonan No. PIN (bagi Pembayar Cukai Individu)

Permohonan No. PIN individu boleh didapati melalui cawangan LHDNM yang berdekatan.

### 1.3 Permohonan No. PIN e-Filing Organisasi

Permohonan No. PIN e-Filing Organisasi boleh dibuat melalui saluran berikut :

- Cawangan LHDNM/Pusat Transformasi Bandar (UTC)/Pusat Khidmat Hasil (PKH).**

Tuan/Puan boleh hadir ke Cawangan LHDNM/UTC/PKH yang berhampiran. Sila kemukakan dokumen berikut semasa memohon :


  - Borang CP55B** yang lengkap diisi.
  - Borang 49. Jika Borang CP55B ditandatangani oleh Pengarah Syarikat.
  - Surat lantikan sebagai Wakil Syarikat - Jika CP55B ditandatangani oleh individu selain Pengarah Syarikat.
  - Salinan kad pengenalan/passport Pengarah Syarikat atau Wakil Syarikat.
  - Permohonan melalui pihak ketiga dibenarkan dengan syarat ada kebenaran bertulis dengan menggunakan kepala surat syarikat daripada Wakil Syarikat berserta salinan pengenalan diri Wakil Syarikat. Dokumen lain yang diperlukan:
    - Salinan Borang 49 ( jika Borang CP55B ditandatangani oleh Pengarah Syarikat ).
    - Surat lantikan sebagai Wakil Syarikat ( jika Borang CP55B ditandatangani oleh individu selain daripada Pengarah Syarikat ).

## 1.4 Login Kali Pertama

Fungsi ini digunakan oleh pengguna yang ingin menggunakan sistem ezHASiL. Pengguna mestilah melakukan fungsi Login Kali Pertama terlebih dahulu untuk memastikan pengguna memiliki sijil digital sama ada individu mahupun organisasi. Pengguna boleh log masuk seperti biasa apabila telah berjaya melakukan transaksi ini.

### Perhatian:

Nombor PIN boleh didapati melalui mana-mana kaunter atau cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang berdekatan.



The screenshot shows the ezHASiL website interface. At the top, there are navigation links: 'Perkhidmatan', 'Bantuan', 'Soalan Lazim', and 'Hubungi Kami'. The main content area is divided into two sections. On the left, there is a banner celebrating the award of the ISMS MS ISO/IEC 27001:2013 certification to LHDN Malaysia, dated 10/01/2014. Below the banner is a 'PENGUMUMAN' (Notice) section titled 'PENAMBAHBAIKAN KATA LALUAN' (Update Password). The notice states that starting from December 1, 2015, passwords must be 8 to 12 characters long, combining letters and numbers. It lists requirements: at least one uppercase letter, one lowercase letter, and one number, and it must not contain special characters or symbols. An example password 'pAssword123' is provided. On the right, the 'Log Masuk' (Login) section is visible. It prompts the user to enter their reference number (No. Rujukan) and password (Kata Laluan). There are radio buttons for selecting the type of identification number: 'No. Kad Pengenalan Baru' (selected), 'No. Pasport', 'No. Tentera', and 'No. Polis'. Below the password field are 'Semula' (Reset) and 'Hantar' (Submit) buttons. A red box highlights the 'Login Kali Pertama' (First Login) link, with a 'Terlupa Kata Laluan' (Forgot Password) link below it. At the bottom of the login section, there is contact information for assistance: 'Perlukan bantuan? 1-800-88-5436 (LHDN) / +603-7713 6666 (Luar Negara)' and a link to the user manual: 'Klik sini untuk panduan pengguna ezHASiL.'

- i. Pada skrin Log Masuk, klik pautan Login Kali Pertama. Skrin Langkah 1, bagi Login Kali Pertama akan dipaparkan.

🏠 Login Kali Pertama

**Langkah 1**  
Sila masukkan No. PIN dan No. Rujukan (No. Pengenalan) dan klik **Hantar**.

No. Kad Pengenalan Baru  
 No. Pasport  
 No. Tentera  
 No. Polis

Semula
Hantar

**DI MANA ANDA BOLEH MENDAPATKAN / MENYEMAK NO. PIN?**

No. PIN boleh di dapati melalui cawangan LHDNM yang berdekatan.

**MAKLUMAN**

- Pastikan anda salah seorang pembayar cukai yang berdaftar untuk mendapatkan / menyemak No. PIN
- Sekiranya anda belum mendaftarkan diri sebagai pembayar cukai, sila ke cawangan LHDNM yang berdekatan.

Perlu disertakan:

- Salinan Kad Pengenalan,
- Penyata Pendapatan / Slip Gaji terkini

• Atau melalui e-Daftar. Sila klik di sini untuk ke aplikasi e-Daftar.

ii. Masukkan No.PIN dan No. Rujukan (No. Pengenalan) dan klik **Hantar**. Sistem ezHASiL akan memaparkan skrin Langkah 2 bagi Login Kali Pertama seperti di bawah.

🏠 Login Kali Pertama

**Langkah 2**  
Sila **PENUHKAN** maklumat di bawah dan tekan butang **Setuju** jika anda bersetuju dengan Terma dan Syarat yang ditetapkan. Untuk maklumat tambahan, letakkan kursor pada ikon ⓘ.

Masukkan Maklumat Berikut.

Nama :

No. Kad Pengenalan Baru :

No. Cukai Pendapatan : SG

Tarikh Lahir :  /  /   
Contoh: 03 / 07 / 1957

Alamat :

No. Telefon :

e-Mel :


Kata Laluan :

Kata Laluan (Semula) :


Saya dengan ini bersetuju untuk memberikan maklumat peribadi saya yang benar, tepat, terkini dan lengkap seperti yang diperlukan di dalam borang pendaftaran siji digital (selepas ini dirujuk sebagai "Siji") dan membenarkan DIGICERT SDN BHD (selepas ini dirujuk sebagai "DIGICERT") untuk menentusahkan maklumat tersebut daripada sumber rujukan yang dianggap sesuai dengan fahaman bahawa DIGICERT adalah berdaftar dengan Akta Pendaftaran Digital, 1997 dan Peraturan Pendaftaran Digital, 1998 untuk tidak mendaftarkan...

Tidak Setuju
Setuju

- iii. Isikan maklumat yang dikehendaki dan klik butang Setuju. Sistem ezHASiL akan memaparkan skrin Langkah 3, seperti di bawah.



- iv. Klik butang Hantar untuk teruskan tindakan Login Kali Pertama. Sistem ezHASiL akan memaparkan mesej seperti di bawah, jika berjaya.



- v. Klik pautan sini, untuk meneruskan Log Masuk.